

## 5. PENGURUSAN POKOK BELUM MATANG

### Pemangkasan

Pemangkasan dibuat bertujuan untuk menghasilkan cabang sisi yang banyak sepanjang tiang sokongan dalam masa 20-24 bulan selepas ditanam. Pertumbuhan cabang sisi yang banyak secara langsung boleh meningkatkan hasil tuaian sebab di sinilah pembungaan dan pembuahan lada berlaku.

Pemangkasan pertama dibuat pada 6-8 bulan selepas ditanam. Pucuk utama (terminal shoots) dicantas kepada 30cm daripada permukaan tanah. Pemangkasan kedua dibuat 12-14 bulan selepas ditanam apabila pokok lada sudah tumbuh sehingga setengah ketinggian tiang sokongan. Hanya 3 pucuk terbaik dibiarkan tumbuh. Pemangkasan ketiga dibuat apabila pucuk utama (terminal shoots) sudah tumbuh sehingga hujung tiang sokongan.

Semua pucuk sisi (pucuk ular) di bahagian atas dan bawah pokok hendaklah dipangkas kerana pucuk-pucuk ini tidak akan menyumbangkan kepada hasil pungutan.

## 6. PENGURUSAN TIANG SOKONGAN

Pada peringkat awal, pokok lada perlu dibantu supaya dapat melekat pada tiang sokongan hidup. Ketinggian tiang sokongan yang dicadangkan ialah 2m. Tiang sokongan hidup perlu dicantas supaya hanya dahan utama bertumbuh. Pertumbuhan cabang sisi tiang sokongan mesti dielakkan. Pertumbuhan pucuk dan daun di bahagian atas boleh dibiarkan.



Tiang sokongan kayu hidup

## 7. PEMBAJAAN

### Pembajaan Peringkat Tumbesaran

Untuk pokok yang belum matang, kekerapan dan kuantiti baja digunakan adalah seperti berikut:

Bulan	Baja	Kuantiti per pokok
Ditabur atas busut sebulan sebelum menanam	Kapur (Dolomite/baju masam)	1.0kg
Bulan 1	12:12:17:2+TE	80g
Bulan 3	12:12:17:2+TE	100g
Bulan 5	12:12:17:2+TE	100g
Bulan 7	12:12:17:2+TE	100g
Bulan 9	12:12:17:2+TE	100g
Bulan 11	12:12:17:2+TE	120g
Bulan 13	12:12:17:2+TE	120g
Bulan 15	12:12:17:2+TE	120g
Bulan 17	12:12:17:2+TE	160g
Bulan 19	12:12:17:2+TE	160g

### Pembajaan Peringkat Matang

Pada tahun ketiga penanaman, pokok lada telah mencapai peringkat matang. Pada peringkat ini, pokok lada adalah sesuai dibiarkan berbunga dan berbuah. Mengikut keadaan cuaca tahunan, pembajaan dicadangkan bermula pada bulan Julai dan berakhir pada bulan Disember. Pembungaan lada digalakkan bermula bulan Januari dan pungutan hasil dijangka sebelum bulan Julai. Kitaran pembajaan ini adalah merujuk kepada jadual yang berikut:

Masa (bermula tahun ke-3)	Baja	Kuantiti per pokok
Julai	Kapur (Dolomite/Baja masam)	500g
Ogos	Baja organik	500g
September	12:12:17:2+TE	500g
Oktober	12:12:17:2+TE	500g
November	12:12:17:2+TE	250g
Disember	12:12:17:2+TE	250g



Untuk peringkat matang, baja ditabur di sekeliling bulatan kanopi.

## 8. KAWALAN RUMPAI

- Merumput secara manual
- Penggunaan racun rumpai contohnya seperti Basta (Ammonium glufosinate) dan sebagainya
- Menanam rumput penutup bumi seperti 'Arachis pinto'



Penggunaan tanaman rumput penutup bumi 'Arachis pinto' untuk kawalan rumpai



MALYSIAN PEPPER BOARD  
(Lembaga Lada Malaysia)

## PANDUAN PENYEDIAAN & PENANAMAN LADA



Lot 1115, Jalan Utama, Tanah Putih,  
93450 Kuching, Sarawak  
Tel: 082-331811 Fax: 082-336877  
Email: info@mpb.gov.my  
Homepage: www.mpb.gov.my

## PENGENALAN

Lada hitam merupakan rempah yang digunakan dengan meluas di dunia, iaitu tumbuhan tropika yang hidup menjalar. Malaysia adalah antara negara pengeluar terbesar di dunia. Lebih dari 98% pengeluaran lada Malaysia adalah dari Sarawak yang melibatkan kira-kira 70,000 pekebun kecil. Pada masa sekarang kawasan penanaman lada dianggarkan 15,000 hektar.

Pada peringkat awal buah berwarna hijau muda. Warna kulit buah akan bertukar kuning dan merah pada peringkat matang. Pemprosesan lada hitam memerlukan jemuran cahaya matahari selama 3-4 hari. Untuk memproses lada putih pula, buah yang matang perlu direndam dalam air selama 15 hari untuk tujuan pembersihan kulit. Seterusnya biji lada dibersihkan dan akhirnya dijemur selama 3-4 hari.



## VARIETI LADA

Terdapat tiga varieti yang disyorkan untuk ditanam iaitu Kuching, Semengok Emas dan Semengok Aman. Ketiga-tiga varieti ini, boleh memberi hasil pungutan lada yang memberangsangkan, lebih toleren kepada penyakit dan perosak lada serta mempunyai jangka hayat yang panjang.



## KESESUAIAN TANAH



Lada hitam sesuai ditanam di dalam pelbagai jenis tanah. Bagaimanapun, bekas kawasan penanaman getah **TIDAK** disyorkan disebabkan penyakit akar putih (*white root disease*) yang kerap berlaku. Tanah paling sesuai ialah tanah mineral berwarna kuning merah (*red yellow podzolic soil*) dengan pH tanah antara 5.0-6.0. Tanah berpasir, kerangas dan gambut tidak sesuai.

## SALIRAN

Sistem saluran yang baik adalah penting untuk mengalirkan air berlebihan di ladang. Teres perlu dibuat jika kecerunan melebihi 40 darjah.



Saliran dibina bagi tanah yang rata



Lada ditanam di teres

## AMALAN AGRONOMI

### 1. PENYEDIAAN BENIH TANAMAN

(a) Pemilihan Pokok Induk

Pokok induk mesti memenuhi kriteria seperti berikut:

- Dari varieti yang disyorkan;
- Bebas daripada penyakit dan perosak, kekurangan nutrien dan
- Pokok muda yang berumur 1-2 tahun.

(b) Penyediaan Keratan

Keratan diambil daripada pokok induk yang mempunyai 4-6 buku. Keratan akan terus ditanam di tapak semeian dan dibiarkan berakar dahulu. Medium yang dicadangkan adalah pasir sungai. Selama 1 bulan, keratan dibiarkan berakar di tapak semeian sebelum ditanam di kebun. Adalah dicadangkan keratan ditanam pada musim hujan, kalau tidak penyiraman air yang kerap adalah perlu pada peringkat awal penanaman. Alternatif lain ialah pemindahan keratan berakar ke polibeg dan dibiarkan tumbuh selama 2-3 bulan.



### 2. JARAK PENANAMAN

Jarak penanaman yang disyorkan ialah 1.8m x 2.4m atau 2.1m x 2.1m. Jika *Arachis Pintoi* ditanam sebagai penutup bumi, jarak dicadangkan adalah 2.0m x 2.4m atau 2.4m x 2.4m.

### 3. SOKONGAN

Kayu belian merupakan tiang sokongan yang paling sesuai digunakan. Alternatif lain ialah kayu hidup seperti *Gliricidia*, *Dedap*, dan *Simpuh* (*Buan*),



Sokongan kayu belian



Sokongan hidup pokok

## 4. PENANAMAN DI LADANG

Sebelum menanam anak benih di ladang, busut (bakut) berbentuk bulat setinggi 20 cm dan berdiameter kira-kira 50 cm disediakan bertujuan untuk mengembur tanah (*Gambar i*).

Kapur (dolomite/baja masam) sebanyak 1.0 kg ditabur atas busut (*Gambar ii*) untuk meneutralkan pH tanah (mengelakkan keasidan tanah) dan membasmi kuman (patogen) tanah. Kerja menanam boleh dimulakan sebulan selepas kapur ditabur.

Masa yang sesuai untuk penanaman lada ialah antara bulan Oktober-Disember sehingga Mac (musim hujan). Keratan lima buku dicadangkan untuk penanaman (*Gambar iii*). Tiga buku paling bawah ditanam dalam lubang dengan kecondongan 20-35 darjah (*Gambar v*). Buku yang keempat dan kelima dibiarkan di permukaan tanah. Anak benih yang baru ditanam mesti dilindungi dengan pelepah paku pakis (fern leaf) (*Gambar vi*) dan kelambu nilon hitam.

### Kaedah penanaman lada di peringkat ladang

